



30 Ogos 2016
30 August 2016
P.U. (A) 229

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN (WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA) 2016

LICENSING OF TRADES, BUSINESSES AND INDUSTRIES (FEDERAL TERRITORY OF PUTRAJAYA) BY-LAWS 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN
(WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA) 2016

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-
undang
kecil

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PELESENAN

3. Lesen diperlukan bagi aktiviti perniagaan
4. Permohonan untuk mendapatkan lesen
5. Ketidaklayakan
6. Bentuk lesen
7. Fi lesen
8. Deposit
9. Lesen gantian
10. Pindah milik lesen
11. Pembaharuan lesen
12. Pembatalan lesen

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN KHAS UNTUK KEDAI DOBI

13. Takrif
14. Penentuan dinding dan lantai

Undang-
undang
kecil

15. Kehendak khas bagi kedai dobi
16. Larangan meminjamkan pakaian

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN KHAS UNTUK PUSAT KECANTIKAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN

17. Takrif
18. Larangan penyekatan keseluruhan pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan

BAHAGIAN V

PERUNTUKAN AM

19. Larangan
20. Pemeriksaan perubatan
21. Daftar pekerja
22. Kehendak kebersihan dan penyenggaraan premis perniagaan
23. Pelupusan sampah
24. Pembuangan cecair kotor atau sampah
25. Pengudaraan dan pencahayaan
26. Ruang yang sesak dilarang
27. Peralatan mencegah kebakaran, tangga, jalan keluar dan pintu
28. Bahan mudah terbakar
29. Penyimpanan
30. Pembakaran
31. Efluen
32. Penyebaran habuk, dsb.
33. Kacau ganggu
34. Waktu menjalankan aktiviti perniagaan
35. Kuasa untuk memasuki premis bagi tujuan pemeriksaan
36. Pengecualian

Undang-
undang
kecil

- 37. Penalti
- 38. Pembatalan dan peruntukan peralihan

Jadual

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN
(WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 102(s) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], sebagaimana yang diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Pengubahsuaian Akta Kerajaan Tempatan 1976) 2002 [*P.U. (A) 142/2002*], Perbadanan Putrajaya membuat, dan menurut seksyen 103 Akta, Menteri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2016**.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2016.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“aktiviti perniagaan” ertinya apa-apa aktiviti tred, perniagaan atau perindustrian sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual;

“fi lesen” ertinya kadar bayaran yang ditetapkan bagi sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual;